

Sudut khas 'American Corner' di Perpustakaan UMS mulai Dis

UB 25.9.2016 B3

Oleh SURAIDAH ROSLAN

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) terpilih sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi yang akan menempatkan sudut khas dikenali sebagai 'American Corner' di perpustakaan universiti berkenaan bermula Disember ini.

Usaha menyediakan American Corner ini dilaksanakan dengan temeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMS dan Seksyen Perhubungan Awam, Kedutaan Amerika Syarikat, di UMS kelmarin.

Kaunselor Seksyen Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat (AS) Frank J. Whitaker berkata, pemilihan UMS

adalah berikutnya kemudahan yang disediakan di Perpustakaan UMS memang baik serta bilangan pelajar yang ramai.

Beliau berkata, dengan adanya sudut khas itu, ia membolehkan Kedutaan AS melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama UMS seperti pembelajaran Bahasa Inggeris dan perlindungan alam sekitar.

Katanya, sekiranya pihak Kedutaan AS di Malaysia ingin melaksanakan program pada masa akan datang, UMS akan menjadi rakan kerjasama mereka dalam penganjuran program seperti tayangan movie dan sebagainya.

Mengenai rekaan untuk sudut khas itu, Frank berkata, 'American Corner' akan direka berdasarkan tema 'Smithsonian' iaitu

suatu ruang dengan rekaan yang lebih praktikal dan mudah diakses oleh pengguna. Rekaan itu akan dibuat dengan kerjasama agensi negeri yang berkaitan.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah berkata, MoU yang ditandatangani itu bertujuan mewujudkan ruang bagi menempatkan bahan berkaitan Amerika Syarikat seperti bahan pendidikan, geografi, sejarah, masyarakat serta budaya.

Jika di Perpustakaan Awam lain di Malaysia, ruangan ini dikenali sebagai Lincoln Resource Centre (LRC). Kini, terdapat sembilan LRC di perpustakaan awam seluruh Malaysia iaitu di Kuala Lumpur; Melaka; Sarawak;



HARUN (tiga kiri) bertukar dokumen bersama **Frank** (tiga kanan) selepas menandatangani MoU antara UMS dan Seksyen Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat, sambil disaksikan oleh **No'man** (dua kiri) serta **Michael** (dua kanan) serta pegawai kanan UMS yang lain.

Kedah; Kelantan; Seberang Jaya Pulau Pinang; George Town Pulau Pinang; dan

Johor.

Turut hadir dalam majlis menandatangani

MoU itu adalah Pendaftar UMS No'man Ahmad dan Penolong Pegawai

Hal Ehwal Kebudayaan, Kedutaan AS Michael Cavey.